



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

**SEMBANG SANTAI BERSAMA YANG AMAT  
BERHORMAT TUAN CHOW KON YEOW KETUA  
MENTERI PULAU PINANG**

### OLEH

**YANG AMAT BERHORMAT TUAN CHOW KON YEOW  
KETUA MENTERI PULAU PINANG**

TARIKH / MASA / TEMPAT  
**12 SEPTEMBER 2020 (SABTU)**  
**5.55 PETANG**

**RESTORAN ROUTE 99  
ROBINA ECO PARK, TELUK AIR TAWAR  
BUTTERWORTH**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

**Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow**

Ketua Menteri Pulau Pinang  
dan isteri

**Yang Berbahagia Puan Tan Lean Kee**

**Yang Berhormat Tuan Yeoh Soon Hin**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang  
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Pelancongan,  
Warisan, Kebudayaan Dan Kesenian

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir Hajah Rosnani Binti Mahmod**

Setiausaha Bandaraya  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**TPr Mohd Ridzal bin Abdul**

Pengarah Projek Robina Eco Park

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berbahagia Datin Hajah Che Limah Binti Hj. Ujang**

Pengerusi PUSPANITA MBSP

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

---

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat petang dan salam sejahtera,

Alhamdullilah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita berkumpul bersama-sama pada petang ini dalam Majlis Sembang Santai Bersama Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang dan isteri beliau, Yang Berbahagia Puan Tan Lean Kee dan juga Yang Berhormat Tuan Yeoh Soon Hin, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan Dan Kesenian yang sudi hadir ke program ini.

**Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan**

**Yang Dihormati Sekalian,**

Pembangunan Robina Eco Park ini merupakan salah satu usaha MBSP dalam merealisasikan *Penang2030: “A Family-Focused Green and Smart States That Inspires The Nation”*, di bawah Tema A dengan tumpuan kepada aspek pembangunan dan pencapaian kualiti hidup yang tinggi (“*Increase liveability to enhance quality of life*”), iaitu mempelbagaikan kemudahan rekreasi, sukan dan seni yang termasuk warisan dan budaya. Pembangunan Robina Eco Park meningkatkan daya huni bagi menambah baik kualiti kehidupan. Hal ini kerana pembangunan Robina Eco Park melibatkan pembangunan alam semula jadi serta mempelbagaikan kemudahan sukan, rekreasi, kesenian dan kebudayaan.

Untuk makluman Yang Amat Berhormat, projek pembangunan Robina Eco Park ini telah menjadi salah satu tempat yang menjadi tarikan pengunjung-pengunjung setiap hujung minggu. Semenjak ianya dibuka secara rasmi pada 25 Julai yang lepas Robina Eco Park ini telah dikunjungi beribu pengunjung. Keadaan ini boleh dilihat setiap hujung minggu di kawasan tempat letak kereta yang penuh sesak dengan kenderaan. Tarikan

utama di sini selain daripada kemudahan-kemudahan yang disediakan adalah:-

1. Pesisiran pantai sepanjang lebih kurang satu kilometer, yang cantik serta menghadap pulau dan boleh di akses oleh orang ramai.
2. Pantai Robina Eco Park ini adalah salah satu tempat di Seberang Perai Utara selain dari Hentian Rehat Bagan Ajam dan Kuala Muda yang mana pengunjung boleh menikmati panorama matahari terbenam.
3. Satu lagi tarikan di sini adalah wujudnya sudut fotografi yang mempunyai lukisan mural potret pemimpin tempatan dan juga mural flora dan fauna yang dilukis oleh artis tempatan.
4. Kawasan pantai ini juga mempunyai kawasan yang berpasir.

**Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan**

**Yang Dihormati Sekalian,**

Taman Eco-Robina atau Robina Eco Park adalah yang kedua dibangunkan selepas MBSP Eco-Corridor di Jalan Permatang Pauh, Seberang Perai Tengah. Robina Eco Park adalah berpaksikan kepada orientasi keluarga (*family oriented*), mempunyai keluasan keseluruhan sebanyak 6.664 ekar dan persisiran pantai sepanjang satu kilometer dengan kawasan yang dinaik taraf berkeluasan 4.5 ekar. Taman ini mempunyai potensi tarikan pelancong.

Projek ini telah bermula pada bulan Oktober 2019, dan walaupun projek ini tertangguh disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan, ianya dapat juga disiapkan sepenuhnya pada 5 Julai 2020. Syabas saya ucapkan kepada kontraktor Sath Engineering kerana dapat menyiapkan projek ini dalam tempoh yang telah ditetapkan. Pihak Kontraktor akan menyelenggara projek ini sehingga hujung tahun ini. Kos keseluruhan projek ini adalah RM1,464,000.00.

Untuk makluman Yang Amat Berhormat, MBSP telah merancang melaksanakan Fasa 2 projek ini sekiranya permohonan peruntukan yang

dipohon MBSP diluluskan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Pembangunan fasa dua ini akan terdiri daripada:-

1. Dataran

2. Beberapa unit gerai makan yang berkonsep moden dan terbuka.

3. Kemudahan tandas.

4. Kawasan food truck bercirikan konsep hijau.

5. Aktiviti *car booth sales*.

6. Tempat letak kereta.

Diharapkan pembangunan Fasa 2 ini akan menjadikan kawasan ini lebih menarik dan berdaya saing seterusnya menjadi kawasan baru untuk destinasi pelancongan.

**Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan**

**Yang Dihormati Sekalian,**

MBSP ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang; Yang Berhormat Tuan Yeoh Soon Hin, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkап Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan Dan Kesenian, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkап Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa; Ahli-Ahli Majlis; Puan Setiausaha Bandaraya; Ketua-Ketua Jabatan MBSP.

Terima kasih juga kepada seluruh warga Seberang Perai yang sama-sama terlibat dalam usaha membantu MBSP untuk menjaga Seberang Perai supaya lebih bersih, hijau dan selamat serta mempunyai penduduk yang sihat. Syabas dan tahniah kerana memberikan komitmen penuh dalam menjayakan program-program MBSP dan saya pasti dengan komitmen ini, “**Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan**” atau “**Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow**” dapat direalisasikan.

**Sekian,    *Wabillahi Taufik Wal Hidayah,*    *Wassalamualaikum***

***Warahmatullahi Wabarakatuh* dan terima kasih.**